

SOALAN LAZIM (FAQ):

TUNTUTAN KOS DISKAUN BIL ELEKTRIK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI BAGI PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN DAN PENGGUNANYA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT AM


- 1. Apakah diskaun bil elektrik yang boleh saya perolehi berikutan penularan wabak COVID-19?**
 - (i). Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Februari 2020, enam (6) sektor perniagaan terpilih yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19 akan menerima diskaun 15% bagi penggunaan elektrik untuk tempoh 1 April sehingga 30 September 2020.
 - (ii). Pada 16 Mac 2020, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi diskaun 2% kepada semua pengguna lain dalam kategori perdagangan, perindustrian dan pertanian spesifik serta pengguna domestik bagi penggunaan elektrik untuk tempoh 1 April sehingga 30 September 2020.
 - (iii). Pada 27 Mac 2020, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian diskaun tambahan kepada pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dengan memberi tumpuan kepada pengguna yang menggunakan elektrik sehingga 600kWj atau RM231.80 sebulan. Kadar diskaun adalah di antara 15% hingga 50% bergantung kepada jumlah penggunaan elektrik masing-masing bermula penggunaan 1 April hingga 30 September 2020.
 - (iv). Diskaun ini adalah merupakan pelengkap kepada diskaun-diskaun yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) pada 27 Februari 2020 dan 16 Mac 2020.

SIAPAKAH YANG LAYAK MENDAPAT DISKAUN KE ATAS BIL ELEKTRIK?

2. Siapakah yang layak menerima diskaun bil elektrik di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan berapakah jumlah diskaun yang akan diberi?

Pengguna-pengguna dari kategori berikut layak menerima diskaun ke atas bil elektrik mulai penggunaan 1 April hingga 30 September 2020:

Rajah 1: Kategori pengguna yang layak menerima diskaun ke atas bil elektrik mulai 1 April hingga 30 September 2020.



3. Berapakah jumlah diskaun yang akan diberi?

- (i). Peratus diskaun yang akan diterima oleh pengguna adalah berdasarkan sektor perniagaan terpilih, kategori pengguna dan jumlah penggunaan.
- (ii). Bagi pengguna domestik di Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah mengumumkan diskaun tambahan pada 27 Mac 2020 melalui PRIHATIN berdasarkan peringkat penggunaan elektrik bulanan dengan memberi tumpuan kepada rakyat yang membayar bil elektrik di bawah RM231.80 sebulan yang rata-ratanya merupakan rakyat dalam golongan B40 dan M40 seperti Jadual di bawah:

Jadual 1: Kadar diskaun mengikut jumlah penggunaan sebulan bagi pengguna domestik/kediaman.

Jumlah Penggunaan Sebulan Bagi Pengguna Kadar

Domestik (Kediaman)	Diskaun
0 hingga 200 kWj atau sehingga RM43.60	50%
201 hingga 300kWj atau RM43.70 sehingga RM77	25%
301 hingga 600kWj atau RM77.10 sehingga RM231.80	15%
Lebih dari 600kWj atau RM231.90 dan ke atas	2%




- (iii). Manakala melalui PRE2020, pengguna bukan domestik di Semenanjung Malaysia akan diberikan diskaun ke atas bil elektrik seperti berikut:

Jadual 2: Pemberian diskaun kepada pengguna bukan domestik di bawah PRE2020.

PRE2020: 27 FEBRUARI 2020	PRE2020: 16 MAC 2020
Diskaun 15% ke atas bil elektrik adalah untuk enam sektor perniagaan terpilih yang telah dikenalpasti	Diskaun 2% ke atas bil elektrik adalah untuk semua pengguna elektrik selain 6 sektor yang telah dikenalpasti
(a). Pengendali Hotel; (b). Agensi Pelancongan dan Pengembaraan; (c). Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan; (d). Kompleks Membeli-belah; (e). Pusat Konvensyen; dan (f). Taman Tema.	(a). Perdagangan (selain daripada 6 sektor perniagaan terpilih) (b). Perindustrian; (c). Pertanian; dan (d). Domestik/Kediaman (dengan penggunaan sebanyak 600 kWj ke atas atau bil melebihi RM231.80 sebulan).
Pemberian diskaun ke atas bil elektrik, tertakluk kepada pengesahan Agensi Kerajaan berkaitan.	Pemberian diskaun ke atas bil elektrik, tertakluk kepada pengesahan Agensi Kerajaan berkaitan.

- (iv). Ringkasan diskaun bil elektrik di bawah PRE2020 & PRIHATIN. seperti berikut:

Rajah 2: Ringkasan diskaun bil elektrik di bawah PRE2020 & PRIHATIN.

PRE2020: PELANGGAN BUKAN DOMESTIK		PRIHATIN: PELANGGAN DOMESTIK
Diskaun bulanan 15%	Diskaun bulanan 2%	Diskaun berperingkat antara 15% hingga 50% berdasarkan penggunaan elektrik dengan had maksimum 600 kWj sebulan atau RM231.80.
6 sektor yang dikenal pasti terkesan dari impak Covid-19	Tidak termasuk 6 sektor yang dikenal pasti	
<ul style="list-style-type: none"> • Pengendali Hotel; • Agensi Pelancongan dan Pengembaraan; • Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan; • Kompleks Membeli-belah; • Pusat Konvensyen; dan • Taman Tema. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan • Perindustrian; • Pertanian; dan • Domestik/Kediaman (hanya untuk penggunaan elektrik melebihi 600 kWj sebulan atau melebihi RM231.80) 	<p>50% </p> <p>Diskaun bagi bil RM43.60 dan ke bawah (0 kWj – 200 kWj)</p> <p>25% </p> <p>Diskaun bagi bil RM43.60 hingga RM77.00 (201 kWj – 300 kWj)</p> <p>15% </p> <p>Diskaun bagi bil RM77.00 hingga RM231.00 (300 kWj – 600 kWj)</p>

TEMPOH PEMAKAIAN DISKAUN

4. Bilakah tempoh layak menerima diskaun bil elektrik ini?

- (i). Diskaun bil elektrik di bawah PRE2020 dan PRIHATIN adalah diberikan untuk tempoh enam (6) bulan mulai penggunaan elektrik 1 April sehingga 30 September 2020 untuk semua kadar diskaun.
- (ii). Ini bermakna bagi bil elektrik yang diterima dalam bulan April dan meliputi penggunaan elektrik untuk dalam bulan Mac 2020 dan April 2020, diskaun akan dikira secara pro-rata berdasarkan penggunaan dalam bulan April 2020. Sekiranya bil yang diterima dalam bulan April 2020 hanya meliputi penggunaan adalah sehingga 31 Mac 2020, tiada diskaun yang akan diterima oleh pengguna bagi bil tersebut.

JENIS TARIF YANG LAYAK MENERIMA DISKAUN BIL ELEKTRIK

5. Apakah jenis-jenis tarif yang layak menerima diskaun bil elektrik ini?

Jenis-jenis tarif yang layak menerima diskaun bil elektrik adalah seperti berikut:

Jadual 3: Jenis-jenis tarif dan kadar diskaun bil elektrik.

Kategori Pengguna	Tarif	Kadar Diskaun
Domestik		
Jumlah penggunaan sebulan:	A	
• Di antara 0-200kWj atau sehingga RM43.60		50%
• Di antara 201-300kWj atau RM43.70 hingga RM77.00		25%
• Di antara 301-600kWj atau RM77.10 hingga RM231.80		15%
• Melebihi 600kWj atau melebihi RM231.80		2%
Bukan Domestik		
Perindustrian	D, E1, E2, E3 dan Perjanjian Khas*	2%
Pertanian Spesifik	H, H1 dan H2	2%
Perdagangan - Semua pengguna selain daripada 6 sektor perniagaan terpilih	B, C1, C2 dan Perjanjian Khas*	2%
Perdagangan - 6 sektor perniagaan terpilih	B, C1, C2 dan Perjanjian Khas*	15%

**Tertakluk kepada terma dan syarat oleh Kerajaan. Perjanjian Khas adalah merujuk kepada pengguna seperti pengguna *co-generator*, pengguna di pulau-pulau dengan Tarif Khas, pengguna-pengguna keretapi ber-rel seperti KTM *double track*, MRT, LRT, ERL dan seumpamanya

6. Apakah jenis pengguna Perjanjian Khas yang layak menerima diskaun bil elektrik?

- (i). Perjanjian Khas yang layak mendapat diskaun adalah merujuk kepada pengguna seperti pengguna *co-generator*, pengguna di pulau-pulau dengan Tarif Khas, pengguna-pengguna keretapi ber-rel seperti KTM *double track*, MRT, LRT, ERL dan seumpamanya.
- (ii). Walau bagaimanapun, pemegang Lesen Awam Pengagihan (pemegang LAP) dengan Tarif Perjanjian Khas (Tariff *Bulk*) tidak termasuk dalam senarai penerima diskaun bil elektrik.

BAHAGIAN 2: KELAYAKAN PEMEGANG LAP DAN PENGGUNANYA BAGI DISKAUN BIL ELEKTRIK DI BAWAH PRE2020 DAN PRIHATIN

TERMA DAN SYARAT UMUM BAGI PEMEGANG LAP DAN PENGGUNA LAP UNTUK MENIKMATI DISKAUN BIL ELEKTRIK

7. Apakah terma dan syarat-syarat kelayakan pemegang LAP dan pengguna LAP untuk menikmati diskaun bil elektrik?

- (i). Pemegang LAP di bawah Tarif Perjanjian Khas tidak layak mendapat diskaun daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Namun, pemegang LAP ini akan memberikan diskaun bil elektrik kepada penggunanya yang layak dan amaun diskaun yang diberikan ini boleh dituntut daripada dana KWIE.
- (ii). Pemegang LAP dengan tarif yang diwartakan iaitu Tarif Normal layak diberikan diskaun 2% secara automatik daripada TNB. Pemegang LAP ini kemudiannya akan memberikan diskaun bil elektrik kepada penggunanya yang layak. Namun, hanya perbezaan diskaun di antara jumlah yang diberikan kepada pengguna LAP dan jumlah yang diterima oleh pemegang LAP daripada TNB sahaja yang boleh dituntut daripada dana KWIE.

Jadual 4: Kategori pemegang LAP dan tarif yang layak untuk diskaun bil elektrik

Kategori Pemegang LAP	Tarif	Jenis Diskaun
Bekalan Pukal	*Tarif Perjanjian Khas (Perdagangan & Perindustrian)	Tiada
Bekalan Pukal	**Tarif Warta (Perdagangan & Perindustrian)	2%

Nota:

* *Tarif Perjanjian Khas ialah pemegang LAP yang mendapatkan bekalan elektrik pukal dengan membuat suatu perjanjian khas mengenai tarif mereka, sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 29(1), Akta Bekalan Elektrik 1990. Tarif khas bekalan pukal ini juga merujuk kepada tarif bekalan elektrik yang dikenakan oleh TNB apabila pemegang LAP membuat bayaran caj sambungan pengguna berdasarkan kos penuh projek.*

***Tarif normal (warta) bekalan pukal pula merujuk kepada tarif bekalan elektrik yang dikenakan oleh TNB apabila pemegang LAP membuat bayaran caj sambungan pengguna berdasarkan beban yang diisytiharkan kepada TNB semasa permulaan proses permohonan bekalan. Pengiraan dibuat berdasarkan buku kenyataan caj sambungan pengguna TNB*

- (iii). Terma dan syarat bagi melayakkan tuntutan diskaun ke atas bil elektrik yang dibuat oleh pemegang LAP bagi pengguna mereka (pengguna LAP) adalah, seperti berikut:
- (a). Pengguna LAP adalah merujuk kepada pengguna akhir yang mendapat bekalan elektrik daripada pemegang LAP.
 - (b). Pengguna LAP yang disahkan layak menerima diskaun 15% atau 2% oleh Agensi Kerajaan berkaitan akan diberikan diskaun oleh pemegang LAP yang kemudiannya akan menuntut kembali diskaun tersebut daripada dana KWIE.
 - (c). Bagi pemegang LAP yang menerima diskaun daripada TNB, amaun yang boleh dituntut daripada dana KWIE adalah mengambilkira perbezaan di antara jumlah diskaun pengguna LAP dan juga jumlah diskaun yang diterima pemegang LAP daripada TNB.

- (d). Pengguna LAP adalah layak untuk menerima diskaun bil elektrik mengikut kategori masing-masing, seperti yang dapat dirujuk melalui Jadual 2 di atas.
- (e). Diskaun hanya boleh dituntut setelah pemegang LAP mengemukakan bukti pemberian diskaun yang telah diberikan kepada pengguna LAP.
- (f). Pengguna LAP yang disahkan layak mendapat diskaun ke atas bil elektrik, boleh mengemukakan tuntutan melalui pemegang LAP kepada KWIE, Suruhanjaya Tenaga bersama dokumen-dokumen tuntutan yang sah.

TERMA DAN SYARAT UMUM BAGI PENGGUNA LAP UNTUK MENIKMATI DISKAUN BIL ELEKTRIK

A. PENGGUNA LAP BAGI KATEGORI DOMESTIK

8. Apakah terma dan syarat-syarat kelayakan bagi pengguna LAP bagi kategori domestik untuk menikmati diskaun bil elektrik?

- (i). Pengguna LAP bagi kategori domestik layak untuk menerima diskaun bil elektrik, seperti di Jadual berikut:

Jadual 5: Pengguna LAP bagi kategori domestik yang layak untuk diskaun bil elektrik.

Kategori Pengguna Domestik	Kategori Tarif	Jenis Diskaun
Jumlah Penggunaan Sebulan Bagi Pengguna Domestik Kediaman		
0 hingga 200 kWj atau sehingga RM43.60*	A	50%
201 hingga 300kWj atau RM43.70 sehingga RM77*		25%
301 hingga 600kWj atau RM77.10 sehingga RM231.80*		15%
Lebih dari 600kWj atau RM231.90 dan ke atas**		2%

Nota:

* Diskaun 15% hingga 50% boleh dituntut daripada dana KWIE

*** Penerimaan diskaun 2% secara automatik daripada TNB tertakluk kepada jenis tarif LAP dengan TNB (Tarif Warta) dan jenis Tarif Perjanjian Khas boleh dituntut daripada dana KWIE.*

- (ii). Pengguna LAP bagi kategori domestik boleh mengemukakan tuntutan melalui pemegang LAP kepada KWIE, Suruhanjaya Tenaga bersama dokumen-dokumen tuntutan yang sah.
- (iii). Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:
- (a). Inbois tuntutan;
 - (b). Borang tuntutan diskaun oleh pemegang LAP;
 - (c). Ringkasan senarai pengguna domestik dan data berkaitan tuntutan;
 - (d). Sekurang-kurangnya 3 bil elektrik pengguna untuk setiap bulan bagi setiap *range*/kategori pengguna berdasarkan Jadual 5: Pengguna LAP bagi kategori domestik yang layak untuk diskaun bil elektrik.;
 - (e). Bil elektrik yang diterima daripada TNB oleh pemegang LAP; dan
 - (f). Maklumat perbankan (dilampirkan bersama borang tuntutan diskaun) dan salinan penyata/buku bank yang mengandungi maklumat nombor akaun bank.

B. PENGGUNA LAP BAGI KATEGORI BUKAN DOMESTIK

9. Apakah terma dan syarat-syarat kelayakan pengguna LAP bagi kategori bukan domestik untuk menikmati diskaun 15% atau 2% ke atas bil elektrik?

- (i). Kategori pengguna LAP dan tarif yang layak untuk diskaun bil elektrik adalah seperti Jadual berikut:

Jadual 6: Pengguna LAP bagi kategori bukan domestik dan tarif yang layak untuk diskaun bil elektrik.

Kategori Pengguna	Tarif	Kadar Diskaun
Perdagangan • Semua pengguna selain daripada 6 sektor perniagaan terpilih	B, C1, C2	2%

Kategori Pengguna	Tarif	Kadar Diskaun
Perdagangan • 6 sektor perniagaan terpilih	B, C1, C2	15%
Perindustrian	D, E1, E2, E3	2%
Pertanian Spesifik	H, H1, H2	2%

- (a). Kesemua pengguna LAP bagi kategori bukan domestik layak diberikan diskaun sebanyak 2% daripada pemegang LAP dan ianya boleh dituntut daripada dana KWIE.
- (b). Bagi pengguna LAP dengan kelulusan Agensi Kerajaan yang menunjukkan ia berada di bawah 6 kategori perniagaan terpilih maka pengguna LAP tersebut layak untuk mendapat diskaun 15% daripada dana KWIE.
- (ii). Pemegang LAP akan mengemukakan semua dokumen pengguna LAP bagi tujuan tuntutan diskaun daripada KWIE. Pengguna yang disahkan layak menerima diskaun 15% pula boleh mendapatkan jumlah perbezaan diskaun daripada pemegang LAP yang dituntut daripada dana KWIE.
- (iii). Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:
- (a). Inbois tuntutan;
 - (b). Borang tuntutan diskaun oleh pemegang LAP;
 - (c). Surat pengesahan/makluman berkenaan kelayakan tuntutan bagi pengguna bukan domestik;
 - (d). Ringkasan senarai pengguna bukan domestik dan data berkaitan tuntutan;
 - (e). Sekurang-kurangnya 3 bil elektrik pengguna untuk setiap bulan bagi setiap *range*/kategori pengguna berdasarkan Jadual 4;
 - (f). Bil elektrik yang diterima daripada TNB oleh pemegang LAP; dan
 - (g). Maklumat perbankan (dilampirkan bersama borang tuntutan diskaun) dan salinan penyata/buku bank yang mengandungi maklumat nombor akaun bank.

C. PENGGUNA LAP PRA-BAYAR

10. Adakah pengguna pra-bayar yang mendapat bekalan daripada pemegang LAP layak menerima diskaun 2% atau 15% ke atas bil elektrik?

- (i). Pengguna pra-bayar yang mendapat bekalan daripada pemegang LAP layak mendapat diskaun 2% atau 15% daripada jumlah penggunaan bil bulanan dan boleh mengemukakan tuntutan kepada KWIE melalui pemegang LAP setelah memenuhi syarat dan terma yang ditetapkan.
- (ii). Perkara ini terpakai kepada pengguna LAP bagi kategori domestik dan bukan domestik.

11. Adakah pengguna LAP layak menerima diskaun 2% dan diskaun 15% dalam masa yang sama?

- (i). Tidak. Pengguna LAP di bawah kategori perdagangan tidak layak menerima kedua-dua jenis diskaun dalam tempoh masa yang sama. Bermula penggunaan elektrik 1 April 2020, semua pengguna LAP di bawah kategori perdagangan layak menerima diskaun 2% secara automatik.
- (ii). Jika pengguna LAP di bawah kategori perdagangan telah menerima diskaun 2% dan kemudiannya disahkan layak untuk menerima diskaun 15%, maka pihak KWIE/pemegang LAP akan menukarkan diskaun 2% pengguna LAP tersebut kepada diskaun 15% secara automatik. Pengguna LAP akan mula menikmati diskaun 15% mulai pembilan berikutnya.

BAHAGIAN 3: KAEDAH PENGIRAAN DISKAUN KE ATAS BIL ELEKTRIK

12. Bagaimana diskaun ke atas bil elektrik dikira?

- (i). Pengiraan diskaun 15% dan 2% adalah ke atas komponen utama bil bulanan semasa seperti caj kehendak maksimum, caj tenaga dan *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)* sahaja.

- (ii). Caj-raj lain seperti penalti lewat bayar, Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB), Surcaj Angkadar Kuasa, Lampu Jalan Individu dan tunggakan bil tidak termasuk dalam kiraan diskaun 15% dan 2%.
- (iii). Formula pengiraan diskaun adalah seperti berikut:


Jadual 7: Formula Pengiraan Diskaun

Formula Pengiraan Diskaun = $\alpha\% \times \text{RM} (\text{kW} + \text{kWj} + \text{ICPT})$	
Di mana:	
$\alpha\%$	Peratus diskaun ke atas bil elektrik
kWh	Caj Penggunaan Elektrik
kW	Caj Kapasiti Kehendak Maksimum
ICPT	Pelepasan Imbangan Kos Bahan Api dan Penjanaan

Contoh jenis caj yang tidak diambilkira untuk pengiraan diskaun:

- (a) Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu
 - (b) Surcaj Angkadar Kuasa
 - (c) Penalti Lewat Bayar
 - (d) Surcaj Alat Kimpal
 - (e) Deposit Tambahan
 - (f) Lampu Jalan Individu
 - (g) Caj Minimum Bulanan
 - (h) Caj Bekalan Sementara
- (iv). Bagi kitaran bil yang melibatkan (*crossing*) dua bulan berbeza, contohnya bulan Mac dan April, diskaun hanya akan diberikan mengikut syarat yang ditetapkan berdasarkan pengiraan secara pro-rata mengambil kira penggunaan elektrik bulan April sahaja.
- (v). Sekiranya bil yang diterima dalam bulan April 2020 hanya meliputi penggunaan adalah sehingga 31 Mac 2020, maka tiada diskaun yang akan diterima oleh pengguna bagi bil tersebut.
- (vi). Ilustrasi tempoh pemberian diskaun bagi perkara 12(iv) adalah Rajah 3 seperti berikut.

Rajah 3: Tempoh pemberian diskaun.



- (vii). Contoh pengiraan diskaun bagi bil bulan April bagi pengguna di bawah tarif B yang melibatkan penggunaan elektrik bulan Mac dan April dapat dirujuk seperti di bawah:

Tarif :	B (Komersil) - di bawah Sektor Pelancongan (Diskaun 15%)
Tarikh:	03/03/2020 hingga 02/04/2020
Unit penggunaan:	1,000 kWj

Tempoh Bil	: 03.03.2020 - 02.04.2020 (31 Hari)	Faktor Prorata 1.00000		
Tariff	: B - Perdagangan			
Jenis Bacaan	: Bacaan Sebenar			
Blok Tarif (kWh)		Kegunaan (kWh)	Kadar (RM)	Amaun (RM)
200		200.00	0.4350	87.00
> 200		800.00	0.5090	407.20
Jumlah		1,000.00		494.20
Keterangan		Tidak Kena ST	Kena ST	Jumlah
Kegunaan kWh	kWh	1,000.00	0.00	1000.00
Kegunaan	RM	494.20	0.00	494.20
ICPT (RM 0.200)	RM	20.00	0.00	20.00
15% Diskaun Rangsangan Ekonomi	RM	-4.98	0.00	-4.98
Kegunaan Bulan Semasa	RM	509.22	0.00	509.22
KWTBB (1.6%)	RM			7.83
Caj Semasa	RM			517.05

- (a) Langkah 1: Tentukan jumlah bil bagi penggunaan selepas 1 April 2020 untuk diberikan diskaun

Komponen bil untuk pengiraan diskaun	= Caj Penggunaan kWh + ICPT = RM494.20 + RM20.00
A :Jumlah bil untuk pengiraan diskaun	= RM514.20
B : Bilangan hari dalam bulan April	= 1.04.2020 hingga 2.04.2020 = 2 hari
C : Tempoh Pembilan	= 31 hari
D : Prorata Hari Layak Diskaun = B/C	= 0.06452

- (b) Langkah 2: Tentukan % dan jumlah diskaun yang layak berdasarkan kategori pengguna

E : Jumlah bil layak mendapat diskaun (penggunaan April 20 sahaja) =A*D	= RM33.18
15% Diskaun Rangsangan Ekonomi ialah: = 15%*E	= 15% x RM33.18 =(RM4.98)

- (viii). Pelarasan bil yang melibatkan bil anggaran

Bagi pengguna yang mendapat bil anggaran (E bill), pelarasan diskaun akan dibuat setakat pembilan 31 Disember 2020 sahaja. Sekiranya bil sehingga pembilan Disember 2020 masih berstatus E, maka diskaun yang telah diberikan dianggap muktamad dan tiada lagi pelarasan akan dibuat setelah bil sebenar diperolehi.

BAHAGIAN 4: PROSES PELAKSANAAN DAN TUNTUTAN DISKAUN KE ATAS BIL ELEKTRIK

13. Bagaimanakah pemberian diskaun ini akan dilaksanakan?

Pemberian diskaun dilaksanakan melalui 4 fasa iaitu:

Jadual 8: Peringkat pelaksanaan pemberian diskaun.

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4
<p>Mengenalpasti pengguna LAP di bawah pemegang LAP yang layak.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat pengguna dikemukakan oleh pemegang LAP melalui borang “Borang Pengisytiharan Maklumat Pengguna Di Bawah Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 “ST/KWIE/B03 (S)/2020” dan “ST/KWIE/B08 (S)/2020” kepada KWIE. • KWIE akan mengemukakan senarai maklumat pengguna yang diterima daripada pemegang LAP kepada Agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tujuan pengesahan 	<p>Pengesahan dan kelulusan oleh Agensi Kerajaan yang berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Agensi Kerajaan yang berkaitan menerima senarai maklumat pengguna di bawah pemegang LAP dan mengesahkan dan meluluskan pemberian diskaun ke atas bil elektrik kepada pengguna. 	<p>Makluman kelulusan pemberian diskaun kepada pemegang LAP.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai pemberian diskaun kepada pengguna LAP di bawah pemegang LAP yang diluluskan oleh Agensi Kerajaan berkaitan dan pengguna LAP yang layak akan dimaklumkan kepada KWIE. • KWIE memaklumkan kepada pemegang LAP berkenaan kelulusan pemberian diskaun kepada pengguna yang layak menerima diskaun tersebut. 	<p>Pelaksanaan mekanisme pemberian diskaun PRE2020.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang LAP mengemukakan tuntutan diskaun bil elektrik pengguna bersama dokumen-dokumen tuntutan yang sah. • Pengesahan dokumen tuntutan diskaun ke atas bil elektrik yang dikemukakan oleh pemegang LAP dilaksanakan. • Pembayaran akan dijelaskan kepada pemegang LAP berdasarkan dokumen yang lengkap dan disahkan.

BAHAGIAN 5: RAYUAN KE ATAS TUNTUTAN DISKAUN KE ATAS BIL ELEKTRIK

- 14. Jika saya membuat rayuan untuk diskaun 15%, di manakah lokasi penghantaran borang permohonan saya?**
- (i). Borang permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan yang wajib dikemukakan oleh pihak pengguna boleh dihantar terus kepada Agensi Kerajaan berkaitan dan sesalinan permohonan rayuan tersebut diberikan kepada Suruhanjaya Tenaga.
 - (ii). Sila pastikan setiap borang permohonan disertakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang diwajibkan seperti berikut:
 - (a). Salinan Borang 9 (Borang Pendaftaran Syarikat);
 - (b). Salinan Lesen Perniagaan yang sah tempoh; dan
 - (c). Salinan bil elektrik.

BAHAGIAN 6: PERTANYAAN BERKENAAN TUNTUTAN DISKAUN KE ATAS BIL ELEKTRIK

- 15. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat diskaun PRE2020 berkenaan pengguna di bawah LAP dengan lebih lanjut?**
- (i). Pengguna/pemegang LAP boleh menghubungi hotline myGCC jika memerlukan penjelasan lanjut mengenai diskaun bil elektrik ini.
 - (ii). Pengguna/pemegang LAP boleh menghubungi hotline Sekretariat PRE2020 di 03-8882 9089.
 - (iii). Pengguna/pemegang LAP juga boleh menghubungi talian hotline **Suruhanjaya Tenaga/Unit KWIE** di **8870 8500**.
 - (iv). Pengguna/pemegang LAP juga boleh mengemukakan pertanyaan melalui emel kepada stlap@st.gov.my atau ukwie@st.gov.my.


Sekretariat PRE2020
03-8882 9089


MALAYSIA GOVERNMENT CALL CENTER
HOTLINE: 03-8000-8000

 **TENAGA
NASIONAL**
Better. Brighter.
HOTLINE: 1-300-88-5454

 Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

Lampiran 1

Senarai Agensi Kerajaan untuk dihubungi mengikut 6 sektor perniagaan terpilih

Kategori	Agensi Kerajaan
Pengendali Hotel	 <p>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA MALAYSIA</p>
Agensi Pelancongan	 <p>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA MALAYSIA</p>
Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan	 <p>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA MALAYSIA</p>
Kompleks Membeli Belah	 <p>KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA</p>
Pusat Konvensyen	 <p>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA MALAYSIA</p>
Taman Tema	 <p>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA MALAYSIA</p>